

Hari Pekerja disambut sederhana secara sederhana

HARI pekerja disambut secara sederhana di seluruh negara tanpa sebarang rapat umum.

Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) menganjurkan satu simposium di sini yang dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam.

Menurut Setiausaha Agung Cuepacs, Encik Jamaluddin Mohamad Isa, kira-kira 400 orang wakil dari 63 kesatuan yang bergabung dengannya menghadiri simposium itu.

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) hanya mengadakan jamuan malam dan seperti biasa ucapan akan disampaikan oleh Presiden Kongres itu, Encik P.P. Narayanan dan Setiausaha Agungnya Encik V. David.

Oleh kerana hari ini adalah hari kelepasan, bandaraya dibanjiri dengan pengunjung-pengunjung yang datang untuk membeli-belah dan bersukaria.

PAHANG

DI KUANTAN, Pemangku Raja Pahang ketika bertitah di majlis jamuan malam anjuran Kesatuan Pekerja Perubatan dan Kesihatan Negeri Pahang malam tadi mengesahkan, Kesatuan Sekerja memainkan peranan penting menentukan maju mundurnya sesebuah negara.

Titah baginda, kesatuan-kesatuan sekerja bukan semata-mata untuk menuntut kenaikan gaji, bahkan memainkan perbagai bidang pembangunan negara.

Baginda lalu menyeru para pekerja dan ahli-ahli kesatuan sekerja mengambil bahagian aktif menyumbangkan tenaga dalam konteks pembangunan negara.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Besar Datuk Haji Abdul Rashid Haji Abdul Rahman.

KUALA LUMPUR, Sabtu

PERAK

DI KUALA KANGSAR, lebih daripada 500 pekerja Perak Textile dan kakitangan pejabatnya menyaksikan tayangan wayang gambar percuma di Panggong Ex sempena hari pekerja.

Sebelum itu mereka menghadiri mesyuarat agung tahunan kelab sukatan dan sosial Perak Textile.

Malam ini Kesatuan Pekerja-pekerja Majlis Daerah Kuala Kangsar mengadakan satu majlis jamuan di Dewan Merdeka.

SARAWAK

DI KUCHING, Ketua Menteri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud dalam perusannya di buku cenderamata perhimpunan pekerja berkata, kerajaan sentiasa menggalakkan kegiatan kesatuan sekerja yang bertanggungjawab kerana ia mempunyai potensi besar sebagai satu tenaga bagi kemajuan sosio-ekonomi yang sihat di negara ini.

Bagaimanapun beliau mengingatkan para ahli kesatuan sekerja supaya sentiasa waspada memastikan kesatuan mereka tidak akan digunakan sebagai satu saluran bagi kepentingan lain daripada kepent-

ingan kesatuan.

Sementara itu, Menteri Perubatan Negeri, Datuk Haji Noor Thir ketika berucap mengingatkan bahawa kesatuan sekerja memikul tanggungjawab yang sama bagi mengekalkan kestabilan serta kestabilan politik dan ekonomi di negara ini.

Di perhimpunan hari pekerja anjuran Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Cawangan Sarawak di sini itu, beliau berkata, kesatuan sekerja perlu bertindak dengan bertanggungjawab dan mengamalkan semangat perpaduan dan bertolak ansur dalam mengendalikan perkara-perkara mengenai tuntutan dan kebajikan para pekerja, tambahnya.

Datuk Haji Noor berkata, kerajaan mengiktiraf sumbangan besar para pekerja terhadap kestabilan ekonomi dengan menggalakkan mereka menyuarakan rungutan dan masalah mereka melalui saluran-saluran tertentu.

Bagaimanapun, beliau mengesah mereka supaya jangan terlalu emosi dan kecewa kerana ini akan memberikan peluang kepada pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan darinya. — Bernama

Bahan asal dari Arkit
Negara Malaysia